



## **Cabaran hidup miskin dalam kalangan komuniti nelayan di Tanjung Dawai, Kedah**

Muhammad Wafi Ramli, Sharifah Rohayah Sheikh Dawood, Sofia Haminah Mohd Som

Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,  
Universiti Sains Malaysia

Correspondence: Muhammad Wafi Ramli (email: [wafiramli22@gmail.com](mailto:wafiramli22@gmail.com))

Received: 01 November 2018; Accepted: 14 February 2019; Publish: 22 February 2019

### **Abstrak**

Kemiskinan sering kali berlaku terutama kepada mereka yang tinggal di kawasan luar bandar meskipun terdapat pelbagai bantuan yang telah disalurkan oleh pihak kerajaan. Hal ini turut berlaku kepada komuniti nelayan luar bandar yang tinggal di Tanjung Dawai, Kedah. Isu kemiskinan ini secara tidak langsung telah membawa kepada pelbagai cabaran hidup yang kompleks dalam kalangan komuniti nelayan tersebut. Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk meneroka cabaran hidup miskin yang dialami oleh komuniti nelayan di Tanjung Dawai. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif melalui temu bual mendalam yang melibatkan seramai 15 informan dalam kalangan ketua isi rumah nelayan yang dipilih secara rawak. Lokasi kajian telah dijalankan di Kampung Nelayan. Data daripada temu bual mendalam telah dianalisis dengan menggunakan analisis kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa komuniti nelayan mempunyai lima cabaran hidup miskin iaitu kesukaran menampung perbelanjaan harian, kesukaran melanjutkan pendidikan, kesukaran memiliki aset, keperluan melakukan pekerjaan sampingan dan ancaman gejala sosial. Kajian ini berupaya memberikan gambaran yang lebih jelas agar pihak berkepentingan lebih memahami cabaran hidup miskin yang berlaku dalam kalangan komuniti nelayan, seterusnya dapat merangka strategi yang holistik untuk pembangunan sosioekonomi mereka. Hal ini selari dengan agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang meletakkan elemen “*No poverty*” sebagai sasaran pertama yang perlu dilakukan oleh setiap negara bagi mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakatnya.

**Kata kunci:** cabaran hidup, kemiskinan, komuniti nelayan, kumpulan minoriti, luar bandar, taraf hidup

## The challenges of living in poor among fishing community in Tanjung Dawai, Kedah

### Abstract

Poverty often occurs primarily to those who live in rural areas despite the numerous assistances being channelled by the government. This also applies to the rural fishing community living in Tanjung Dawai, Kedah. The poverty issue has indirectly led to the complex challenges of life in the fishing community. Therefore, the objective of this study is to explore the challenges of living in poor experienced by the fishing community in Tanjung Dawai. This study used the qualitative method through in-depth interviews involving 15 informants randomly selected amongst the head of households. The study was conducted at Kampung Nelayan. Data from the in-depth interviews had been analyzed using content analysis. The study found that the fishing community had five challenges while living in poor namely, difficulty in maintaining daily expenses, difficulty in continuing education, difficulty in owning assets, the need to have second jobs, and exposure to social ills. This study is able to provide a clearer picture to stakeholders in order to better understand the challenges of living in poverty faced by the fishing communities, thus formulating a holistic strategy for their socio-economic development. This is in line with the Sustainable Development Goal (SDG) agenda that puts the element of *No poverty* as the first to do target for every country in order to reduce the poverty rate among its people.

**Keywords:** life challenge, poverty, fishing community, minority group, rural area, living standard

### Pengenalan

Kemiskinan masih menjadi salah satu isu yang membelenggu kebanyakan negara membangun termasuk Malaysia. Bagi sesetengah negara membangun seperti China, India dan Indonesia, kemiskinan merupakan satu permasalahan serius yang menjadi fokus utama dalam inisiatif atau polisi pembangunan (Rashid & Ghani, 2007). Keadaan kemiskinan masih wujud dalam kalangan masyarakat luar bandar, bandar, kumpulan minoriti dan golongan yang mempunyai tahap sosioekonomi rendah.

Umumnya, kemiskinan merupakan suatu permasalahan hidup yang kompleks dan menjadi amat penting untuk ditangani secara serius oleh pelbagai pihak. Menurut Talib (2016), gambaran kemiskinan menghubungkan beberapa kata kunci seperti kekurangan, kesusahan, keperitan dan kepayahan hidup yang dihadapi oleh seseorang individu, sesebuah keluarga dan sesebuah komuniti. Menurut Jamil dan Mat (2014), kemiskinan boleh dikenal pasti berdasarkan kekurangan pendapatan untuk membeli keperluan asas, tingkat pendidikan yang rendah, tidak memiliki harta benda, tidak sihat tubuh badan, kekurangan makanan dan pakaian, tiada tempat tinggal yang selesa dan tiada pekerjaan yang dapat menjamin kelangsungan hidup. Dalam masyarakat moden kini, kemiskinan biasanya disamakan dengan masalah kekurangan wang (Jamaludin, 2011).

Walaupun terdapat pelbagai definisi kemiskinan yang ditafsirkan oleh para sarjana, dapatlah disimpulkan bahawa kemiskinan merupakan definisi yang menggambarkan kesusahan dan cabaran hidup miskin dari segi ekonomi, sosial dan persekitaran. Bertitik tolak daripada hal ini,

kajian bertujuan untuk meneroka cabaran hidup miskin yang dialami oleh komuniti nelayan di Tanjung Dawai agar dapat memberi pemahaman dan gambaran kepada masyarakat serta pihak pemegang taruh berkenaan sisi tersirat realiti hidup komuniti nelayan.

## **Kajian literatur**

Kemiskinan sememangnya menjadi masalah yang membelenggu masyarakat yang tinggal di luar bandar. Kebanyakan masalah kemiskinan masih berlaku di kawasan luar bandar, walaupun sudah banyak strategi dan bantuan disalurkan oleh pihak kerajaan, mahupun pertubuhan bukan kerajaan (NGO) bagi membasmi masalah ini. Shakespeare (2012) menyatakan bahawa masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar mempunyai kekurangan kerana pelbagai perkhidmatan yang ditawarkan sering tertumpu di kawasan bandar. Kesannya, masyarakat di luar bandar sering mengalami kesukaran untuk mendapatkan perkhidmatan yang sempurna seperti penjagaan kesihatan, pengangkutan, pendidikan dan pekerjaan.

Kemiskinan luar bandar selalunya melibatkan golongan petani, peladang, penternak dan nelayan disebabkan oleh pendapatan mereka hanya separuh daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK) (Muda et al., 2006; Puteh & Mamat, 2015). Dalam usaha kerajaan membawa negara Malaysia ke tahap negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun 2020, namun komuniti nelayan masih lagi berada di paras kemiskinan (Ibrahim & Anuar, 2016; Ramli et al., 2015). Perkara ini turut berlaku dalam kalangan komuniti nelayan yang tinggal di Tanjung Dawai.

Walaupun sektor perikanan telah mengalami perubahan besar dari segi teknologi dan jumlah pendaratan ikan, tetapi taraf ekonomi sebahagian besar komuniti nelayan di negara ini masih rendah secara relatifnya (Amin & Sam, 2012). Ibrahim dan Anuar (2016) turut menyatakan bahawa komuniti nelayan amat sinonim dengan taraf hidup yang rendah serta keterbatasan untuk mendapatkan kemudahan seperti sekolah, kesihatan dan jalan raya telah menyumbang kepada rangkaian isu kemiskinan yang berterusan. Menurut Zal (2016), meskipun komuniti nelayan merupakan kumpulan minoriti di Malaysia, namun mereka mempunyai peranan yang signifikan dalam ekonomi negara sebagai penyumbang utama sumber laut untuk masyarakat dan menjana pendapatan yang besar sama ada dalam bentuk ekonomi mikro atau makro.

Secara umumnya, komuniti nelayan juga dikenali sebagai komuniti pesisir pantai yang menjalankan aktiviti perikanan dan mengumpul hasil laut sebagai sektor utama untuk sara hidup mereka (Dahalan et al., 2012). Kehidupan komuniti nelayan diibaratkan seperti “kais pagi makan pagi, kais petang makan petang”. Kebergantungan mereka pada hasil laut sebagai sumber ekonomi utama menyebabkan banyak petempatan yang dibangunkan oleh mereka terletak berhampiran pesisir pantai. Menurut kajian Ibrahim et al. (2018), komuniti nelayan merupakan kumpulan yang berpendapatan rendah dan mudah terdedah dengan risiko seperti kemelesetan ekonomi, musim tengkujuh, kemarau, banjir atau bencana tsunami. Kajian tersebut juga menyatakan bahawa kekurangan pemilikan aset seperti aset manusia, aset fizikal, aset kewangan, aset semula jadi dan aset sosial dalam kalangan isi rumah nelayan akan menyebabkan mereka terjerumus dalam kancas kemiskinan hidup.

Kajian oleh Zebua et al. (2017) mendapati bahawa salah satu faktor yang menyumbang kepada kemiskinan hidup dalam kalangan komuniti nelayan ialah tahap pendidikan yang rendah. Hal ini disebabkan oleh tanggapan mereka bahawa pendidikan tidak menjadi begitu penting, selain daripada keadaan prasarana yang tidak lengkap telah mendorong mereka untuk terus


memilih bekerja sebagai nelayan berbanding melanjutkan pendidikan. Kajian Zain et al. (2018) juga mendapati bahawa faktor utama komuniti nelayan tidak melanjutkan pendidikan adalah disebabkan oleh ekonomi keluarga yang rendah. Tambahan pula, ibu bapa terpaksa memanfaatkan tenaga anak-anak mereka untuk membantu meningkatkan pendapatan dan mengurangkan beban keluarga. Anak-anak nelayan akan terus mewarisi pekerjaan daripada keluarga mereka untuk hidup, meskipun pendapatan yang diperoleh tidaklah tinggi. Menurut kajian oleh Anugerah et al. (2016), selain faktor tahap pendidikan yang rendah, terdapat faktor lain yang mempengaruhi kemiskinan dalam kalangan komuniti nelayan iaitu pendapatan yang rendah, pekerjaan sampingan yang terhad dan penurunan hasil tangkapan di laut.

Masalah kemiskinan yang dialami oleh komuniti nelayan memberi pelbagai cabaran dan halangan untuk mencapai kesejahteraan hidup mereka. Muda et al. (2006) menegaskan bahawa isu mengenai kesejahteraan hidup nelayan merupakan agenda yang penting kerana komuniti tersebut tergolong dalam kategori miskin. Menurut mereka, faktor yang harus diberi perhatian serius ialah pendapatan, pendidikan, pemilikan kenderaan, rumah kediaman, simpanan, perbelanjaan dan tanah tapak kediaman. Cabaran hidup miskin komuniti nelayan dilihat sebagai sesuatu yang kompleks kerana bersifat subjektif. Oleh hal demikian, kajian ini dirujuk penting bagi meneroka cabaran hidup miskin dalam kalangan komuniti nelayan yang bersifat subjektif tersebut.

## **Metod dan kawasan kajian**

Kaedah tinjauan dan pemerhatian telah dilakukan pada peringkat awal di kawasan kajian untuk mendapatkan gambaran mengenai keadaan di kawasan tersebut. Kajian ini melibatkan seramai 15 ketua isi rumah nelayan di Kampung Nelayan, Tanjung Dawai yang telah dipilih secara rawak untuk dijadikan informan. Data kajian diperolehi melalui kaedah temu bual mendalam. Dapatan kajian daripada temu bual tersebut dianalisis secara analisis kandungan berdasarkan transkripsi perbualan yang direkodkan.

Kampung Nelayan dipilih sebagai lokasi kajian kerana terletak berhampiran pekan Tanjung Dawai. Jarak di antara Kampung Nelayan dengan pekan Tanjung Dawai dianggarkan kira-kira 1 kilometer. Tanjung Dawai terletak kira-kira 30 kilometer dari bandar Sungai Petani dan berada dalam kawasan parlimen Merbok iaitu bagi daerah Kuala Muda (Rajah 1). Majoriti penduduk di Kampung Nelayan bekerja sebagai nelayan. Merujuk Persatuan Nelayan Tanjung Dawai, dianggarkan sebanyak 70 peratus penduduk di Tanjung Dawai bekerja sebagai nelayan termasuklah mereka yang tinggal di Kampung Nelayan. Kawasan kajian merupakan lokasi yang terkenal dengan makanan sumber hasil laut dan terletak berhampiran dengan Pantai Merdeka yang merupakan lokasi pelancongan terkenal di negeri Kedah. Jarak masa untuk ke Pantai Merdeka dari Jeti Tanjung Dawai dengan menggunakan perkhidmatan bot dianggarkan sekitar 10 minit, manakala jika menggunakan jalan darat dianggarkan mengambil masa selama 30 minit.



**Rajah 1.** Kampung Nelayan, Tanjung Dawai

## Hasil kajian dan perbincangan

### *Profil informan*

Jadual 1 menunjukkan profil 15 informan ketua isi rumah nelayan dalam kajian ini. Berdasarkan jadual tersebut, majoriti informan nelayan (100%) terdiri daripada lelaki yang merupakan kaum Melayu dan beragama Islam. Berdasarkan data penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia negeri Kedah yang dikemaskini pada tahun 2017, majoriti penduduk di Tanjung Dawai terdiri daripada etnik Melayu dan beragama Islam. Bagi kategori umur, seramai 9 informan (60%) yang terdiri dalam kategori umur 40 hingga 50 tahun. Manakala 6 informan (40%) lagi terdiri dalam kategori umur 51-60 tahun. Bagi kategori latar belakang pendidikan, seramai 7 informan (46.7%) mempunyai latar belakang pendidikan sehingga tamat sekolah rendah dan 6 informan (40%) lagi tamat sekolah menengah rendah. Selebihnya 2 informan (13.3%) lagi tidak mempunyai pendidikan formal.

**Jadual 1.** Profil informan ketua isi rumah nelayan

Kategori	Jumlah informan	Peratusan (%)
<i>Umur</i>		
40-50	9	60
51-60	6	40
<i>Jantina</i>		
Lelaki	15	100
<i>Agama</i>		
Islam	15	100
<i>Kaum</i>		
Melayu	15	100
<i>Tahap pendidikan</i>		
Tiada pendidikan formal	2	13.3
Tamat sekolah rendah	7	46.7
Tamat sekolah menengah rendah	6	40
<i>Pendapatan bulanan</i>		
RM600-RM900	15	100
<i>Tempoh bekerja sebagai nelayan</i>		
25-30 tahun	7	46.7
31-35 tahun	8	53.3
<i>Bilangan ahli isi rumah</i>		
4-6 orang	3	20
7-9 orang	12	80
<i>Status pemilikan rumah</i>		
Milik sendiri	10	66.7
Menyewa	5	33.3

Selain itu, keseluruhan informan (100%) mempunyai purata pendapatan bulanan sebanyak RM600 hingga RM900. Hal ini dapat memberi gambaran bahawa kehidupan komuniti nelayan di Tanjung Dawai masih lagi dikategorikan sebagai miskin, sekiranya merujuk pendapatan garis kemiskinan (PGK) 2014 yang menetapkan RM870 untuk kategori penduduk di luar bandar. Bagi kategori tempoh bekerja, seramai 7 informan (46.7%) mempunyai tempoh bekerja sebagai nelayan yang mencecah 20 hingga 30 tahun. Manakala 8 informan (53.3%) lagi mempunyai tempoh bekerja sebagai nelayan mencecah 31 hingga 35 tahun. Bagi kategori bilangan isi rumah, kebanyakan informan mempunyai bilangan isi rumah yang tinggi. Seramai 3 informan (20%) mempunyai bilangan isi rumah antara 4 hingga 6 orang. Manakala, seramai 12 informan (80%) lagi mempunyai bilangan isi rumah antara 7 hingga 9 orang. Bagi kategori pemilikan rumah pula, seramai 10 informan (66.7%) yang memiliki rumah sendiri. Manakala 5 informan (33.3%) lagi hanya menyewa rumah.

Berdasarkan profil informan tersebut, dapat disimpulkan bahawa kebanyakan informan nelayan di Tanjung Dawai masih berada dalam kategori hidup miskin. Mereka memperoleh pendapatan bulanan kurang daripada kadar gaji minimum yang telah ditetapkan dalam perintah gaji minimum pindaan 2018 berkuatkuasa pada 1 Januari 2019 iaitu RM1100. Mereka juga tiada latar belakang pendidikan yang tinggi kerana kebanyakan dalam kalangan mereka berjaya menamatkan pendidikan sehingga peringkat persekolahan menengah rendah sahaja. Hal ini

disebabkan oleh mereka telah bergiat aktif bekerja sebagai nelayan sewaktu di zaman persekolahan lagi kerana mengikut jejak langkah keluarga. Kebanyakan informan mempunyai pengalaman bekerja di laut selama lebih 25 tahun. Mereka juga mempunyai bilangan isi rumah yang ramai di antara 4 hingga 9 orang dalam setiap keluarga. Segelintir daripada informan tidak mempunyai rumah milik sendiri dan hanya mampu untuk menyewa rumah dengan membayar sewa bulanan.

### *Cabaran hidup miskin komuniti nelayan*

Berdasarkan temu bual mendalam bersama 15 ketua isi rumah komuniti nelayan, terdapat lima tema cabaran hidup miskin yang dialami oleh komuniti nelayan di kawasan kajian iaitu: (a) kesukaran menampung perbelanjaan harian; (b) kesukaran memiliki aset; (c) kesukaran melanjutkan pendidikan; (d) keperluan melakukan pekerjaan sampingan dan (e) ancaman gejala sosial.

#### a. Kesukaran menampung perbelanjaan harian

Kebanyakan informan menyatakan bahawa sumber pendapatan bulanan sebagai nelayan tidak cukup untuk menyara hidup keluarga. Sebilangan besar jumlah isi rumah mereka terdiri dalam lingkungan tujuh hingga sembilan orang. Sekiranya hanya suami atau ketua isi rumah sahaja yang bekerja untuk mencari rezeki, maka sumber pendapatan yang dijana adalah terhad. Kebanyakan informan memperoleh pendapatan “cukup-cukup makan” atau kadang kala tidak mencukupi disebabkan oleh purata pendapatan bulanan mereka ialah RM600 hingga RM900. Melihat pada bilangan isi rumah yang ramai ini, maka sememangnya jumlah pendapatan yang sedia ada tidak cukup untuk menampung hidup sekeluarga disebabkan oleh kos sara hidup yang semakin meningkat saban hari. Hal ini dibuktikan oleh Informan 2 dan Informan 5 yang menyatakan:

“...Lani harga barang mahal, gaji kami kerja nelayan ja mana nak cukup, sikit ja pun, ada la dalam tujuh lapan ratus lebih sebulan, susah hidup lani” (Informan 2).

“...Kalau nak bergantung kat gaji bulan bulan tu pun memang tak cukup sangat kalau nak beli barang rumah lebih-lebih, kadang-kadang beli ala kadar ja” (Informan 5).

Keadaan hidup miskin komuniti nelayan ini dapat digambarkan dengan kenyataan oleh Sabstu (2014) bahawa kos sara hidup merupakan kos yang terpaksa ditanggung oleh isi rumah bukan sahaja untuk memenuhi keperluan asas seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal tetapi juga keperluan-keperluan lain untuk keselesaan hidup termasuk kos pendidikan, kos sambungan jalur lebar dan kos kenderaan untuk kegunaan harian.

#### b. Kesukaran memiliki aset

Kebanyakan informan menyatakan bahawa mereka tidak mempunyai kemampuan untuk memiliki aset seperti kenderaan dan rumah untuk tujuan kelangsungan hidup. Mereka hanya memiliki kenderaan motosikal sahaja sebagai aset untuk bergerak dari satu tempat ke satu tempat

yang lain. Tidak ramai dalam kalangan komuniti nelayan yang mempunyai kereta, mahupun van. Kebanyakan informan dilihat tidak mampu untuk membeli kereta atas faktor kemiskinan yang melanda mereka. Perkara ini disokong oleh Ibrahim et al. (2018) yang menyatakan bahawa kemiskinan dalam kalangan isi rumah nelayan berpunca daripada kekurangan pemilikan aset.

Kenderaan motosikal digunakan untuk menghantar anak ke sekolah, pergi bekerja dan juga melakukan urusan yang lain. Terdapat dalam kalangan mereka yang mempunyai motosikal, namun tidak dapat menggunakannya kerana rosak. Kerosakan yang berlaku menyebabkan mereka terpaksa berjalan kaki untuk ke tempat kerja atas alasan tidak mampu untuk memperbaiki kerosakan tersebut. Hal ini dibuktikan oleh Informan 15 yang menyatakan:

“...Saya ada motosikal, tetapi tersadai saja kat rumah sebab dah rosak. Saya tak mampu nak baiki motor saya sebab saya takdak duit yang cukup” (Informan 15).

Di samping itu, pendapatan bulanan mereka yang tidak besar menyebabkan kemahuan untuk memiliki kenderaan seperti kereta tidak tercapai. Hal ini dibuktikan oleh Informan 11 yang menyatakan:

“...Tak banyak la nelayan kat sini ada kereta. Saya pun tak mampu nak beli kereta. Pakai motor Honda tu ja buat guna setiap hari” (Informan 11).

Selain itu, terdapat dalam kalangan informan yang tidak mempunyai tempat tinggal kepunyaan atau hak sendiri disebabkan oleh kemampuan kuasa beli yang rendah. Hal ini menyebabkan mereka menyewa rumah di sekitar kawasan itu dengan bayaran bulanan di antara RM250-RM350 yang dilihat membebankan mereka. Perkara ini dibuktikan oleh Informan 1 dan Informan 9 yang menyatakan:

“...Saya satu keluarga duk tumpang menyewa ja kat rumah ni sebab tak mampu nak beli rumah sendiri. Tuan rumah bagi sewa 250 sebulan” (Informan 1).

“...Saya duk rumah sini duk bayar sewa bulan-bulan 300 ringgit kat tuan rumah” (Informan 9).

Oleh yang demikian, untuk memiliki keselesaan hidup dengan memiliki aset seperti kereta, rumah dan sebagainya, komuniti nelayan ini perlu bekerja lebih masa untuk menambah sumber pendapatan mereka bagi mencapai hasrat tersebut. Hal ini selari dengan pendapat Zin dan Tambi (2018) yang menyatakan bahawa kemiskinan dari aspek pendapatan dan harta benda menjadi punca kesukaran untuk melangsungkan kehidupan seharian dengan lebih selesa.

### c. Kesukaran melanjutkan pendidikan

Kebanyakan informan menyatakan bahawa mereka hanya mampu untuk membiayai pendidikan anak-anak sehingga peringkat persekolahan menengah sahaja. Mereka tidak mampu untuk melanjutkan pengajian anak-anak mereka ke universiti ataupun kolej disebabkan oleh kos yuran yang tinggi. Hal ini dibuktikan oleh Informan 6 dan Informan 12 yang menyatakan:



“...Tak banyak anak-anak muda sini sambung mengaji kat universiti, depa habis sekolah ja terus jadi nelayan sebab takdak duit nak sambung belajar” (Informan 6).

“...Kesian anak-anak kat sini, mengaji sampai takat SPM ja. Ada juga yang mengaji sampai sekolah rendah sebab tak dak duit nak tanggung. Mengaji tu memang penting untuk masa depan depa nanti” (Informan 12).

Akhirnya, anak-anak ini mengambil keputusan untuk mengikut jejak keluarga mereka dengan bekerja sebagai nelayan. Hal ini selari dengan kenyataan oleh Zain et al. (2018) iaitu faktor utama komuniti nelayan tidak melanjutkan pendidikan adalah disebabkan oleh ekonomi keluarga.

Terdapat juga dalam kalangan anak-anak komuniti nelayan ini bekerja di luar kawasan sebagai mekanik, peniaga, juruwang, kilang dan sebagainya yang tergolong di dalam kategori bukan profesional setelah tamat persekolahan. Hal ini dibuktikan oleh Informan 8 yang menyatakan:

“...Ada yang dah habis sekolah depa tak mau jadi nelayan tapi depa kerja kat luar la jadi peniaga ka kerja kilang ka” (Informan 8).

Masalah kemiskinan menjadi penyebab utama untuk mendapatkan pendidikan yang berkualiti. Di zaman moden ini, persaingan untuk mendapatkan pekerjaan adalah tinggi. Rata-rata majikan membuka ruang pekerjaan kepada individu yang mempunyai sijil atau pendidikan yang tinggi. Bagi mereka yang mempunyai pendidikan hingga tahap persekolahan menengah, adalah sukar untuk mereka mendapatkan tempat dalam pekerjaan profesional. Selain itu, beberapa faktor lain seperti masalah yuran sekolah (Zain et al., 2018) dan kesedaran terhadap kepentingan pendidikan (Zebua et al., 2017) mempunyai pertalian dengan faktor kemiskinan komuniti nelayan di Tanjung Dawai. Oleh yang demikian, mereka lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam pekerjaan dan kurang berminat untuk mencapai kemahiran akademik.

#### d. Keperluan melakukan pekerjaan sampingan

Kebanyakan informan menyatakan bahawa mereka perlu atau dalam erti kata lain terpaksa melakukan pekerjaan sampingan untuk menampung kos sara hidup keluarga mereka. Pekerjaan mengambil upah sebagai nelayan tidak cukup untuk menampung keperluan hidup lebih-lebih lagi mereka yang mempunyai bilangan isi rumah yang tinggi dan berpendapatan rendah. Terdapat dalam kalangan nelayan melakukan pekerjaan sampingan dengan mengambil upah sebagai pekerja restoran, peniaga makanan laut dan makanan kering, pengumpul besi buruk dan lain-lain lagi. Hal ini dibuktikan oleh Informan 7 dan Informan 13 yang menyatakan:

“...Gaji bulan jadi nelayan tak cukup nak tampung keluarga, kena cari kerja sampingan gak. Baru la boleh bernafas sikit. Saya ambil upah berniaga cucuk-cucuk belah petang ke tepi pantai sana” (Informan 7).

“...Saya buat juga kerja sampingan kadang-kadang tu kutip botol ka besi buruk ka, dapat la juga duit walaupun tak banyak” (Informan 13).

Oleh yang demikian, dapat digambarkan bahawa realiti kehidupan komuniti nelayan di Tanjung Dawai tidaklah seindah yang disangka. Keadaan hidup miskin telah memaksa mereka yang mempunyai bilangan isi rumah yang tinggi dan berpendapatan rendah melakukan pekerjaan sampingan bagi menjana kewangan untuk menampung kos sara hidup yang semakin meningkat. Kadangkala pekerjaan sampingan ini secara tidak langsung turut menjejaskan keadaan diri nelayan sewaktu melakukan pekerjaan hakiki di laut. Malah, pekerjaan di laut memerlukan tenaga yang banyak kerana ia melibatkan mental dan fizikal individu nelayan. Hal ini dibuktikan oleh Informan 4 yang menyatakan:

“...Saya siang kerja kat laut, malam kerja kat darat berniaga, tak cukup rehat lepas tu esok pagi turun pi laut pulak, macam tu la tiap-tiap hari. Mengantok kat tengah laut tu dah jadi benda biasa la, kadang tu terlenu tak sedar apa dah” (Informan 4).

Justeru, keadaan diri nelayan yang tidak cukup rehat dari segi mental dan fizikal, serta kurang ketersediaan untuk turun ke laut dikhuatiri akan menjejaskan kesihatan dan juga keselamatan mereka. Keadaan di laut bukanlah sama seperti keadaan di darat. Apabila di darat akses untuk keselamatan seperti bantuan orang ramai mudah untuk didapati jika berlakunya sesuatu yang tidak diinginkan, tetapi jika di laut adalah sebaliknya.

#### e. Ancaman gejala sosial

Kebanyakan informan menyatakan bahawa kemiskinan yang berlaku di Tanjung Dawai telah mencetus berlakunya beberapa ancaman gejala sosial yang negatif. Senario kehidupan yang berlaku di kawasan itu memperlihatkan segelintir anak-anak muda seawal umur 20-an telah terlibat dengan aktiviti dadah, mencuri, pergaulan bebas, menghisap ganja, pecah masuk rumah dan sebagainya. Perkara ini disebabkan oleh kurangnya perhatian daripada ibu bapa yang kebanyakan masa mereka dihabiskan dengan mencari rezeki. Hal ini dibuktikan oleh Informan 10 dan Informan 14 yang menyatakan:

“...Budak muda kat sini banyak yang duk amik dadah, hisap ganja, mencuri sana sini sebab nak beli dadah. Lagi satu mak pak depa pun takdak duk amik peduli pun” (Informan 10).

“...Kes dadah ada ja jadi kat sini, banyak budak-budak muda kat sini ambil dadah. Risau juga dengan keadaan macam ni” (Informan 14).

Selain itu, mencuri dan pecah masuk rumah kerap kali berlaku di kawasan itu disebabkan oleh dorongan untuk mendapatkan wang bagi membeli dadah, ganja, rokok dan sebagainya. Bukan itu sahaja, kejadian mencuri hasil laut dan makanan kering di kedai-kedai juga kerap berlaku. Hal ini membimbangkan komuniti nelayan di kawasan tersebut. Hal ini dibuktikan oleh Informan 3 yang menyatakan:

“...Habis kedai-kedai kena pecah masuk, yang duk masuk tu sapa lagi, geng-geng muda la nak curi duit beli rokok dadah pastu duk hisap kat belakang hutan. Depa

berani buat lagu tu sebab bukan duk ada pemantauan sangat kat kawasan sini”  
(Informan 3).

Di samping itu, kurangnya pemantauan daripada pihak berkuasa menjadikan isu gejala sosial di kawasan ini menjadi-jadi. Adapun usaha pemantauan yang telah dilakukan oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), namun ianya tidak berhasil dengan baik. Menurut Shis (2010), pihak luar perlu bertindak sebagai pemantau dan mengawasi tingkah laku remaja dan pihak luar tidak terbatas dengan hanya ibu bapa dan rakan sebaya, malah boleh terdiri daripada guru, jiran dan pihak berkuasa. Pihak berkuasa seperti Pihak Berkuasa Tempatan, polis dan RELA perlu melakukan pemantauan secara kerap bagi mengurangkan gejala sosial yang berlaku di kawasan kajian. Jelaslah bahawa kemiskinan secara tidak langsung telah membawa kepada berlakunya ancaman gejala sosial. Bahrom (2004) juga berpendapat bahawa jika kemiskinan gagal dibendung, kesannya dapat dilihat dalam pelbagai aspek termasuklah gejala sosial.

## **Kesimpulan**

Secara rumusannya, kajian ini telah berjaya merungkai lima cabaran hidup miskin dalam kalangan komuniti nelayan di Tanjung Dawai iaitu kesukaran menampung perbelanjaan harian, kesukaran memiliki aset, kesukaran melanjutkan pendidikan, terpaksa melakukan pekerjaan sampingan dan ancaman gejala sosial. Kajian ini telah membuktikan bahawa isu kemiskinan masih lagi berlaku dalam kalangan masyarakat nelayan luar bandar di Malaysia. Isu kemiskinan yang melanda komuniti nelayan di Tanjung Dawai telah membawa kepada pelbagai cabaran hidup yang begitu kompleks.

Walaupun komuniti nelayan merupakan kumpulan minoriti dalam sesebuah masyarakat oleh kerana jumlah populasi mereka yang tidak besar dan tinggal berhampiran dengan kawasan pesisir pantai, namun tidak bererti bahawa hidup mereka perlu disisihkan oleh pelbagai pihak. Sungguhpun terdapat pelbagai usaha daripada pihak kerajaan dalam membantu meningkatkan taraf hidup mereka, namun masih lagi wujud komuniti nelayan yang mengalami kemiskinan disebabkan oleh segelintir dalam kalangan mereka yang tidak mendapat akses kepada bantuan tersebut. Selain itu, pihak pemegang taruh seharusnya memainkan peranan yang lebih agresif dalam menjaga, memantau dan mengawasi kawasan Tanjung Dawai dengan lebih ketat bagi membendung daripada berlakunya gejala sosial. Hal ini disebabkan oleh Tanjung Dawai merupakan salah satu lokasi pelancongan di negeri Kedah. Sekiranya lokasi ini tidak diberi perhatian dengan sebaiknya, hal ini akan menyebabkan pengunjung dari luar tidak lagi tertarik untuk berkunjung di situ.

Kajian ini berupaya memberi gambaran dan pemahaman yang jelas kepada masyarakat mengenai kehidupan sebenar komuniti nelayan dan membantu pihak pemegang taruh dalam merangka strategi dan polisi untuk meningkatkan taraf hidup sosioekonomi komuniti nelayan ini. Hal ini selaras dengan agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) yang meletakkan elemen kemiskinan sebagai sasaran pertama yang perlu dilakukan oleh setiap negara bagi mengurangkan kadar kemiskinan dalam kalangan masyarakat tanpa mengambil kira jantina, umur, status pekerjaan dan lokasi geografi.

## Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia yang telah membiayai penyelidikan ini melalui Geran Penyelidikan Bersama (RUT) bertajuk "*Spatial inequalities: framing phenomena, formulating policies* (no. Akaun Geran: 1001/PHUMANITI/856002) dan Geran Universiti Penyelidikan (RU) bertajuk "Examining the origins and implications of enclave urbanism in the Iskandar Region of Johor, Malaysia" (No. Akaun Geran: 1001/PHUMANITI/8016024).

## Rujukan

- Amin, S.M., & Sam, S.S.M. (2012). Pembasmian kemiskinan di Malaysia: Keperluan kemahiran pekerja komuniti. *Akademika*, 82(1), 81-89.
- Anugerah, T., Amrifo, V., & Hendrik, H. (2016). Strategi rumah tangga nelayan dalam mengatasi kemiskinan (Studi di Kepenghuluan Panipahan Darat Kecamatan Pasir Limau Kapas Kabupaten Rokan Hilir Provinsi Riau). *Berkala Perikanan Terubuk*, 44(1), 104-119.
- Bahrom, H. (2004). Remaja, kemiskinan dan juvana suatu realiti. *Seminar Antarabangsa Nilai Dalam Komuniti Pasca Modenisme (Sivic 2004)*. Anjuran Jabatan Pengajian Umum Fakulti Sains Kognitif dan Pendidikan Universiti Utara Malaysia. Retrieved from <http://repo.uum.edu.my>.
- Dahalan, D., Suandi, T., Hamzah, M.R., Uli, J., Othman, J., Ahmad, N., & Abdullah, N.A.W. (2012). Komuniti nelayan Muslim: Analisis kepentingan dari sudut kehidupan beragama. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 8(3), 43-51.
- Ibrahim, A.Z., & Anuar, A.R. (2016). Penentu keterlibatan nelayan pesisir pantai dalam aktiviti bukan pertanian di Kuala Kedah, Kedah. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(14), 1-9.
- Ibrahim, A.Z., Hassan, K., Kamaruddin, R., & Anuar, A.R. (2018). The effect of livelihood assets on food security achievements among the Coastal Fishermen in Northern Peninsular Malaysia. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 11(1), 134-144.
- Jamaludin, Z. (2011). Kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan. *Jurnal Kebajikan Masyarakat*, 37, 5-17.
- Jamil, N., & Mat, S.H.C. (2014). Realiti kemiskinan: Satu kajian teoritikal. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 48(1), 167-177.
- Muda, M.S., Amin, W.A.A.W.M., & Omar, N.W. (2006). Analisis kesejahteraan hidup nelayan pesisir. *Jurnal Kemanusiaan*, 4(2), 58-77.
- Puteh, D.A.M.A., & Mamat, I. (2015). Analisis keperluan untuk penentuan bantuan Program Pembangunan Keluarga Miskin dan Miskin Tegar: Kajian kes di Teluk Ketapang, Kuala Terengganu, Terengganu, Malaysia. *Journal of Human Development and Communication*, 4, 75-94.
- Ramli, Z., Saad, S., Manaf, A.A., Hussain, M.Y., Samsudin, M., Omar, M., & Yussof, I. (2015). Kesejahteraan subjektif: Kajian kes nelayan di Sedili, Kota Tinggi, Johor. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 11(2), 87-94.

- Rashid, M.F.A., & Ghani, I.A. (2007). Migrasi dan kemiskinan bandar: Satu kajian literatur. *Seminar Kebangsaan Pembangunan Persekitaran & Masyarakat 2007, Pulau Pinang*. Retrieved from <https://www.researchgate.net>
- Sabtu, J. (2014). Kenaikan kos sara hidup: Kesan kepada rakyat. Retrieved from <http://www.mkm.edu.my>.
- Shakespeare, T. (2012). Disability in developing countries. In Watson, N., Roulstone, A., & Thomas, C. (Eds.), *Routledge handbook of disability studies*. Oxon, Routledge.
- Shis, M.A.B. (2010). *Kajian gejala sosial di kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi yang menetap di kolej Sembilan (K9), kolej Sepuluh (K10) dan kolej Perdana (KP) Universiti Teknologi Malaysia* (Master dissertation). Retrieved from Universiti Teknologi Malaysia.
- Talib, K.A. (2016). Dilema kemiskinan: Falsafah, budaya dan strategi. *Akademika*, 86(2), 65-78.
- Zain, R.M., Kamarudin, M.K.A., & Saad, M.H.M. (2018). Assessment of quality of life on fishermen community in Kuala Terengganu, Malaysia: A review. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 8(10), 640-650.
- Zal, W.A. (2016). Modal budaya dan kesannya ke atas kebergantungan kerja komuniti nelayan di Malaysia: Kajian kes nelayan Kuala Terengganu. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(4), 158-168.
- Zebua, Y., Wildani, P.K., Lasefa, A., & Rahmad, R. (2017). Faktor penyebab rendahnya tingkat kesejahteraan nelayan pesisir pantai Sri Mersing Desa Kuala Lama Kabupaten Serdang Bedagai Sumatera Utara. *Jurnal Geografi*, 9(1), 88-98.
- Zin, N.A.M., & Tambi, N. (2018). Faktor kemiskinan bandar terhadap pembangunan pendidikan golongan lewat kembang. *Jurnal Psikologi Malaysia*, 32(3), 119-130.